



08 APR, 2024

10,000 petugas TNB siap siaga sempena Aidilfitri

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

10,000 petugas TNB siap siaga sempena Aidilfitri

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) menugaskan hampir 10,000 tenaga kerja pelbagai peringkat di sepanjang rantaian perkhidmatannya di 11 negeri di seluruh Semenanjung bagi menjamin kestabilan bekalan elektrik menjelang sambutan Aidilfitri.

Pada kenyataan semalam, Presi-

den dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, pemantauan ditingkatkan menjelang hari raya dengan kebiasaannya tempoh 72 jam bermula sehari sebelum 1 Syawal adalah kritikal berikutan orang ramai rancak membuat persiapan terutama pada malam Aidilfitri.

"Walau pun tu-gasan ini

ialah rutin harian warga kerja di bahagian perkhidmatan masing-masing, saya yakin setiap daripada warga kerja ini akan memberikan yang terbaik demi pengguna di seluruh negara," katanya.

TNB memaklumkan, bagi menghargai sumbangan warga kerja terabit, pi-haknya mengekalkan tradisi menitipkan bingkisan kuih raya yang disediakan dengan kerjasama Persatuhan Wanita TNB. - Bernama

Pemantauan ditingkatkan menjelang hari raya



PENGASAN tenaga kerja pelbagai peringkat bagi menjamin kestabilan bekalan elektrik menjelang sambutan Aidilfitri. - Gambar ihsan TNB